


'Perlu tindakan tegas jika manipulasi aplikasi MySejahtera'

Ilah Hafiz Aziz

Mac 10, 2022 @ 3:52pm



Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) mengesyorkan tindakan berat diambil termasuk mendakwa di mahkamah individu cuba menyalahgunakan aplikasi MySejahtera atau pengisytiharan palsu dijangkiti COVID-19 bagi membolehkan mereka mendapat cuti sakit.

Presidennya, Datuk Dr Syed Hussain Syed, berkata tindakan pekerja mengambil kesempatan termasuk mendakwa kononnya menjadi kontak rapat bagi mengelak datang bekerja dilakukan susulan kes jangkitan COVID-19 yang semakin meningkat pada masa ini.

Berikutan itu, beliau berkata, MEF juga mencadangkan majikan mewajibkan ujian saringan COVID-19 yang dilaporkan pekerja itu disahkan klinik panel syarikat, klinik kesihatan atau hospital kerajaan sebelum pekerja dibenar bercuti sakit berbayar.

Katanya, tindakan tegas termasuk mengheret individu terbabit ke mahkamah jika terbukti melakukan kesalahan itu perlu dilakukan bagi memberi pengajaran supaya kes sama tidak berulang.

"Langkah sedemikian dapat mengelak manipulasi berlaku kerana majikan menanggung kos tinggi akibat perbuatan tidak bertanggungjawab itu. Ujian saringan disahkan pihak berkuasa kesihatan akan dapat mengelak majikan daripada ditipu pekerja yang mahu mengambil kesempatan," katanya.

Syed Hussain berkata, langkah kerajaan membenarkan orang ramai termasuk pekerja melakukan ujian COVID-19 sendiri dan mengemas kini status kesihatan masing-masing sama ada positif atau negatif tanpa pengesahan doktor boleh mendedahkan sistem MySejahtera kepada manipulasi pihak berkepentingan.

Katanya, wujud kemungkinan pekerja menipu status kesihatan mereka untuk tidak datang bekerja dan hari tidak bekerja itu diisytiharkan sebagai cuti sakit bergaji.

"MEF belum menerima aduan rasmi mengenai isu itu setakat ini, tetapi kita percaya ia berlaku kerana sistem yang ada sekarang mudah dimanipulasi," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah, berkata penjawat awam yang memanipulasi status kesihatan mereka menggunakan aplikasi MySejahtera akan dikenakan tindakan tegas kerana ia menyalahi amalan integriti diamalkan selama ini.

Katanya, ketika ini Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) belum menerima laporan berhubung perkara itu, namun jika terdapat fakta berkaitan, tindakan tegas akan dilaksanakan tanpa kompromi.

"Kita tidak bercakap tanpa sebarang bukti, malah saya sendiri percaya dengan integriti penjawat awam negara yang tidak melakukan perbuatan itu.

"Tetapi sekiranya ada fakta yang boleh membuktikan kesalahan itu dilakukan, kita tidak teragak-agak mengambil tindakan kepada penjawat awam yang berbuat demikian," katanya.